

**BN Mampu Tunai Janjinya, Kata Pengerusi BN Labuan
Bernama
8 April, 2013**

LABUAN, 8 April (Bernama) -- Aku janji Barsian Nasional (BN) yang terkandung di dalam manifestonya adalah bersifat holistik, realistik dan mampu dipenuhi, yang sekali gus mencerminkan ia sebuah kerajaan yang amat mengambil berat kebajikan rakyat.

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan melalui program transformasi seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM), Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) dan Klinik 1Malaysia adalah antara usaha kerajaan BN yang telah banyak membantu meringankan beban rakyat.

Mengulas aku janji itu, pengerusi BN Labuan Datuk Yussof Mahal berkata secara keseluruhan, ia merupakan ikrar yang dibuat terhadap rakyat dan negara untuk jangka panjang.

"Aku janji (manifesto) itu, yang dilancarkan pengerusi BN Datuk Seri Najib Tun Razak Sabtu lepas, bukan bertujuan untuk mengelirukan rakyat, tetapi merupakan suatu janji yang mampu dikotakan dan dipenuhi," katanya.

Beliau berkata Kaji Selidik Pendapatan Isi Rumah 2012 yang mendapati purata pendapatan bulanan isi rumah di negara ini meningkat daripada RM4,025 pada 2009 kepada RM5,000 pada 2012, atau mencatat kenaikan 7.2 peratus setahun, membuktikan bahawa kerajaan persekutuan berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat.

Katanya peningkatan pendapatan yang ketara ini dicapai hasil daripada usaha kerajaan persekutuan untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang, stabil dan kukuh.

"Ini adalah hasil daripada pertambahan dan perluasan pelbagai peluang ekonomi, yang sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.

Ketika melancarkannya, Najib berkata manifesto BN bukan sekadar satu manifesto, tetapi suatu dokumen yang mengandungi aku janji kepada rakyat.

Dokumen 31 muka surat itu menyenaraikan komitmen, projek dan program secara menyeluruh serta ikrar bahawa tidak seorang pun rakyat Malaysia yang akan tersisih sekiranya BN kembali berkuasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940439>